

## Pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dilaksana mulai Mac 2020

Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - April 17, 2022 @ 3:29pm  
bhnews@bh.com.my



Datuk Seri Dr Wee Ka Siong

KUALA LUMPUR: Usaha membanteras pemandu di bawah pengaruh dadah dan alkohol serta kegiatan basikal lajak dan mat rempit dengan mengenakan hukuman berat dilaksanakan Kementerian Pengangkutan menerusi pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 pada Mac 2020.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata pindaan itu mendapat kelulusan di Dewan Negara serta Dewan Rakyat dan berkuat kuasa pada Oktober 2020.

Beliau berkata susulan kes Sam Ke Ting, ramai pihak menyalahkannya kerana tidak mengambil tindakan terhadap ibu bapa mangsa basikal lajak menggunakan akta itu.

"Malangnya, undang-undang tidak boleh digunakan secara retrospektif. Saya faham kenapa semua orang begitu marah tetapi hakikatnya kes itu berlaku pada 2017, itu adalah sesuatu yang tidak boleh kita ubah," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas kesal dengan tindakan individu yang meninggalkan komen 'ketidakadilan dalam sistem kehakiman' di laman sosial miliknya dan media Cina berkenaan kes Ke Ting.

Mengulas lanjut, Ka Siong berkata, sebagai sebuah negara yang mematuhi kedaulatan undang-undang, sebarang penghakiman undang-undang dan eksekutif perlu dihormati dan tidak boleh diganggu.

Katanya, ramai yang tidak bersetuju dengan penghakiman Mahkamah Tinggi dan mereka berhak untuk meluahkan rasa tidak puas hati namun tidak seharusnya mengutuk orang lain atau menyalahkan pihak yang salah.

"Ada yang kecewa dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi manakala ada yang tidak boleh menerima tindakan peguam Ke Ting menasihati atau membenarkannya memberikan kenyataan dari kandang tertuduh sebagai tertuduh.

"Bagaimanapun, sebarang ketidakpuasan hati terhadap penghakiman mesti melalui proses kehakiman untuk membuat rayuan," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Pengangkutan adalah pihak yang bertanggungjawab merangka Akta Pengangkutan Jalan 1987 tetapi hak pelaksanaan adalah tanggungjawab polis.

Katanya, penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga terhad kerana penguatkuasaan terhadap pemanduan di bawah pengaruh dadah dan alkohol serta kegiatan basikal lajak dan mat rempit semuanya di bawah bidang kuasa polis.

"Bagaimanapun, mengutuk atau menyalahkan menteri atau Kementerian Pengangkutan tidak akan mengubahnya.

"Saya juga sama seperti orang ramai yang menjadi pemerhati dalam kes ini, jadi saya harap semua orang boleh bertenang kerana rayuan masih berterusan untuk Ke Ting.

"Saya juga berharap kita dapat mengelak daripada meletakkan kesalahan kepada pihak yang salah sepanjang episod ini," katanya.

Ka Siong berkata, berkenaan rayuan Ke Ting di Mahkamah Rayuan Putrajaya esok, beliau yakin akan ada keputusan yang terbaik untuk wanita itu.

Pada 13 April lalu, Mahkamah Tinggi Johor Bahru menjatuhkan hukuman penjara enam tahun berserta denda RM6,000 kepada Ke Ting.

Keputusan itu dibuat selepas mahkamah berkenaan mengetepikan keputusan Mahkamah Majistret pada 10 Oktober lalu yang mengekalkan keputusan untuk melepas dan membebaskan Ke Ting daripada kesalahan memandu secara melulu, hingga menyebabkan kematian lapan remaja berbasikal lajak pada 2017.

Ke Ting turut diperintah menjalani tambahan hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda, selain hilang kelayakan memandu selama tiga tahun berkuat kuasa selepas selesai hukuman penjara.